Muhammad Zikry K Suresh bin Abdullah dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–125 TAHUN 2011 DAN B-05–124 TAHUN 2011
AZAHAR MOHAMED, MOHTARUDIN BAKI DAN ZAWAWI SALLEH HHMR
28 OGOS 2014

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh disabitkan atas kesalahan mengedar dadah dan dijatuhkan hukuman mati — s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Sama ada terdapat pemutusan rantai ekshibit — Sama ada sabitan dan hukuman selamat — Sama ada sumber bertindak sebagai ejen perangkap

Menerima maklumat daripada seorang sumber bahawa satu transaksi dadah akan berlaku, ejen perangkap ('SP2') telah bertemu dengan perayu pertama di sebuah restoran untuk berbincang mengenai harga kanabis. Perayu pertama menyatakan bahawa SP2 perlu menunggu panggilan telefon daripada 'taukehnya' untuk mengambil kanabis tersebut. Pada jam 4.30 petang, perayu pertama menerima panggilan telefon daripada 'taukehnya'. Seterusnya, perayu pertama memaklumkan kepada SP2 supaya mengikutnya ke sebuah stesen minyak. Setibanya di stesen minyak tersebut, perayu pertama telah bertemu dengan 'taukeh' ('perayu kedua'). Semasa perayu pertama berbual-bual dengan perayu kedua, pasukan polis telah menyerbu dan menangkap kedua-dua perayu. Kanabis seberat 1,885g telah dirampas dan kedua-dua perayu dipertuduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pembelaan perayu pertama dan kedua adalah bahawa perayu pertama dan isterinya ingin bertemu perayu kedua untuk melunaskan baki bayaran membaiki kereta kepada perayu kedua. Perayu pertama telah menerima panggilan daripada 'Awie' yang meminta supaya perayu pertama menarik sebuah kereta dan menyuruh perayu pertama pergi ke sebuah restoran bagi mengambil kunci kereta tersebut. Setibanya di restoran tersebut, perayu pertama telah berjumpa dengan 'Awie' dan kemudian menerima panggilan daripada perayu kedua memintanya untuk pergi ke stesen minyak bagi menyerahkan baki bayaran membaiki kereta tersebut. Di stesen minyak, mereka telah diserbu oleh pasukan polis. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap kedua-dua perayu dengan melampaui keraguan yang munasabah. Kedua-dua perayu didapati bersalah dan disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan ini. Perayu pertama menghujahkan bahawa pihak

pendakwaan tidak boleh dikatakan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah apabila terdapat keraguan yang serius tentang identiti ekshibit dadah; sumber telah memainkan peranan aktif dan kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil sumber untuk memberi keterangan telah menimbulkan jurang dalam kes pendakwaan; dan kegagalan pihak pendakwaan untuk menangkap, menyiasat dan mengemukakan Awie untuk memberi keterangan telah menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh perayu kedua pula ialah bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil Koperal Jimmy telah menimbulkan jurang dalam kes pihak pendakwaan; hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat inferens yang salah terhadap fakta bahawa perayu kedua telah cuba melarikan diri ketika serbuan dibuat oleh pihak polis; dan hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal secara jelas menyatakan sama ada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB telah diguna pakai bagi tujuan membuktikan elemen pengedaran atau elemen tersebut telah dibuktikan melalui keterangan secara terus.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekal dan mengesahkan sabitan dan hukuman:

(1) Keterangan menunjukkan bahawa pegawai penyiasat kes ('SP5') telah merampas dua beg plastik yang berada di atas tempat duduk penumpang hadapan kereta perayu pertama. Di dalam beg plastik berwarna kuning tersebut terdapat satu bungkusan surat khabar di mana di dalamnya terdapat satu balutan plastik lutsinar yang mengandungi dedaun kering disyaki dadah jenis ganja. Semasa perbicaraan, SP5 telah dirujuk kepada ekshibit-ekshibit yang berkenaan. SP5 telah mengecam dan mengenal pasti ekshibit-ekshibit tersebut. Hujahan perayu pertama adalah berkisar kepada isu plastik lutsinar 'diperkuat dengan salotape' yang dikatakan tidak diberi apa-apa penjelasan. Namun begitu, tidak terdapat soalan-soalan yang dikemukakan oleh perayu pertama semasa pemeriksaan balas kepada SP5 dan SP4 mengenai ini bagi membolehkan mereka memberikan apa-apa penjelasan dan penerangan mengenainya (lihat perenggan 19–20 & 22).

(2) Tidak ada keraguan yang timbul mengenai identiti ekshibit dadah tersebut. Berdasarkan keterangan ekshibit dadah yang dirampas adalah ekshibit dadah yang sama yang telah dihantar untuk analisis oleh ahli kimia dan kemudiannya dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi semasa perbicaraan (lihat perenggan 23).

(3) Peranan yang dimainkan oleh sumber dalam kes ini adalah sebagai 'orang tengah' semata-mata iaitu memperkenalkan SP2 kepada perayu pertama. Sumber tidak hadir semasa bekalan dadah dibawa oleh perayu kedua untuk dihantar kepada SP2 di tempat kejadian. SP2 menyatakan bahawa

sumber kurang bercakap semasa perbualan antaranya dengan perayu pertama dan 'Awie'. Persetujuan untuk membeli ganja pada harga RM6,000 sebenarnya telah dibuat oleh SP2 dan perayu pertama tanpa penglibatan sumber. Peranan yang dimainkan oleh sumber dan 'Awie' tidak tergolong kepada peranan seorang ejen perangkap. Mereka dilindungi oleh s 40 ADB. Dalam hal sedemikian, hakim bicara betul apabila tidak mengguna pakai s 114(g) Akta Keterangan 1950 atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil mereka memberi keterangan (lihat perenggan 27–29).

(4) Adalah tidak logik bagi perayu kedua untuk menerima bungkusan-bungkusan daripada Koperal Jimmy tanpa mengetahui kandungannya untuk diserahkan kepada seseorang yang dia tidak kenali. Berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, doktrin kebutaan disengajakan ('willful blindness') terpakai terhadap perayu kedua. Perayu kedua tidak bertanya kepada Koperal Jimmy apakah kandungan bungkusan-bungkusan tersebut dan siapakah nama dan apakah diskripsi penerimanya (lihat perenggan 36–37).

(5) Perayu kedua menghujahkan bahawa hakim bicara dalam penghakimannya telah terkeliru dan tidak menyatakan sama ada pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da) ADB atau keterangan terus bagi membuktikan elemen pengedaran. Justeru, faedah kekeliruan ini perlu diberikan kepada perayu kedua. Hujahan ini tidak bermerit. Hakim bicara telah bersandar kepada keterangan terus untuk membuktikan elemen pengedaran seperti yang ditakrifkan dalam ADB (lihat perenggan 42–43).

[English summary

Having received from an informer that a certain drug trafficking transaction would take place, an agent provocateur ('SP2') had met the first appellant at a restaurant to negotiate about the price of cannabis. The first appellant stated that SP2 had to wait for a telephone call from his 'taukeh' to obtain the cannabis. At 4.30pm, the first appellant received a call from his 'taukeh'. Next, the first appellant informed SP2 to follow him to a petrol station. After arriving at the said petrol station, the first appellant met his 'taukeh' ('the second appellant'). While the first appellant was talking to the second appellant, the police team ambushed and arrested both the appellants. Cannabis weighing 1,885g was seized and the appellants were charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs 1952 ('the DDA'). The appellants' defence was that the first appellant and his wife had wanted to meet the second appellant to settle the balance for the payment of car repair. The first appellant had received a call from one 'Awie' who had requested the first appellant to tow a car and instructed the first appellant to go to a restaurant to retrieve the car keys. After arriving at the restaurant, the first appellant met 'Awie' and later received a call from the second appellant telling him to go to a petrol station to hand in the

balance payment for the car repair. At the petrol station, they were ambushed by the police. At the close of the defence case, the trial judge held that the prosecution had successfully proved its case against the appellants beyond reasonable doubt. The appellants were found guilty and convicted for the offence and sentenced to death. Hence, the present appeal. The first appellant argued that the prosecution could not be said to have proved its case beyond reasonable doubt when there were serious doubts over the identity of the drugs exhibits; the informer was said to have played an active role and the prosecution's failure to call upon the informer to give evidence created a gap in the prosecution's case; and the failure of the prosecution to arrest, investigate and call upon Awie to give evidence had raised doubts on the prosecution case. The grounds raised by the second appellant was that the prosecution failure to call upon Corporal Jimmy had formed a gap in the prosecution case; the trial judge had erred in law and in fact by making an erroneous inference that the second appellant had attempted to escape when the ambush was made by the police; and that the trial judge had erred in law and in fact in failing to clearly state whether the assumption of trafficking under s 37(da) of the DDA was applied for the purpose of proving the element of trafficking or whether the element had been proved by way of direct evidence.

Held, dismissing the appeal and maintaining and affirming the conviction and sentence:

(1) The evidence showed that the investigating officer ('SP5') had seized two plastic bags which were on the first appellant's front passenger's seat. In the yellow plastic bag, there was one newspaper packaging in which was a wrapping of transparent plastic containing dried leaves suspected to be cannabis. During trial, SP5 was referred to the said exhibits. SP5 had identified the exhibits. The first appellant's argument was based on the issue of the transparent plastic 'wrapped with sellotape' which was said to not have been given any explanation on. However, there were no questions raised by the first appellant during cross-examination to SP5 and SP4 to enable them to give explanation and clarification on it (see paras 19–20 & 22).

(2) There were no doubts raised as to the identity of the exhibits of the drugs. Based on the evidence, the drugs exhibits seized were the same drugs sent for analysis by the chemist and were adduced to the High Court during trial (see para 23).

(3) The role played by the informer in this case was as a middle person mainly, which was to introduce SP2 to the first appellant. The informer was not present when the drugs supply was brought by the second appellant to be sent to SP2 at the crime scene. SP2 stated that the informer did not talk much during his conversation with the first appellant and 'Awie'. The consent to purchase the cannabis at the price of

RM6,000 was actually made by SP2 and the first appellant without the involvement of the informer. The role played by the informer and 'Awie' did not fall under the category of an agent provocateur. They were protected under s 40 of the DDA. In such circumstance, the trial judge was correct in not applying s 114(g) of the Evidence Act 1950 on the failure of the prosecution to call them to give evidence (see paras 27–29).

(4) It was illogical for the second appellant to have received the packages from Corporal Jimmy without knowing its contents to be handed to someone he did not know. Based on the facts and circumstances of this case, the doctrine of wilful blindness was applicable to the second appellant. The second appellant did not ask Corporal Jimmy what were the contents of the packages and what were the name and the description of the recipient (see paras 36–37).

(5) The second appellant contended that the trial judge in his judgment was confused and did not state whether the prosecution relied on the assumption under s 37(da) of the DDA or the direct evidence to prove the element of trafficking. Thus, the benefit of this confusion must be given to the second appellant. This argument was devoid of merit. The trial judge relied on the direct evidence to prove the element of trafficking as defined in the DDA (see paras 42–43).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Browne v Dunn (1893) 6 R 67, HL (dirujuk)
Hasbala Mohd Sarong v PP [2013] 6 MLJ 636; [2013] 6 CLJ 945, MP (dirujuk)
Ibrahim Mohamad & Anor v PP [2011] 4 CLJ 113, MP (dirujuk)
Khoon Chye Hin v PP [1961] 1 MLJ 105b, MR (dirujuk)
Loh Kah Loon v PP [2011] 4 MLJ 260; [2011] 5 CLJ 345, MP (dirujuk)
Mohd Za'ba bin Abdul Talib & Anor v PP [2013] 4 MLJ 905, MR (dirujuk)
Muhammattakwa Kutha v PP (Criminal Appeal No B-05–179–06 Tahun 2011) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)
Nasarudin Daud & Satu Lagi lwn PP [2011] 3 CLJ 713, MP (dirujuk)
Nik Asmawi bin Nik Daud v PP [2010] 5 MLJ 652; [2010] 6 CLJ 400, MR (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Prabakaran a/l Peraisamy v PP [2013] 1 MLJ 304; [2012] 8 CLJ 133, MR (dirujuk)
PP v Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197, MP (dirujuk)
Samad Mohamed Sulthan v PP [2013] 4 MLJ 7, MR (dirujuk)
Seneviratne v R [1936] 3 All ER 36, PC (dirujuk)

Shahrizal bin Abdul Ghani v PP [2014] 1 MLJ 769; [2014] 1 CLJ 70, MR (dirujuk)
Tan Yew Choy v PP [2010] 5 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 245, MP (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)
Yeong Kia Heng lwn Pendakwa Raya [1992] 1 MLJ 327; [1992] 1 CLJ (Rep) 372, MA (dirujuk)
Zaifull bin Muhammad v PP and another appeal [2013] 2 MLJ 348; [2013] 2 CLJ 383, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(da), 39B(1)(a), 39B(2), 40
Akta Keterangan 1950 ss 14(g), 114(g)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-188 Tahun 2009 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Rajpal Singh (Rajpal, Firah & Vishnu) bagi pihak perayu.
Vikneswaran a/l Purnshatman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Zawawi Salleh HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Kedua-dua perayu telah dihadapkan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan satu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') kerana dikatakan dengan niat bersama telah mengedar seberat 1,885g kanabis pada 23 Mac 2009, jam lebih kurang 5 petang, di kawasan letak kereta bersebelahan Stesen Minyak Shell, km 34.5 arah Kuala Lumpur, Lebuhraya Kesas, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor, yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir kes pembelaan, hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap kedua-dua perayu dengan melampaui keraguan yang munasabah. Justeru, mereka didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan serta dijatuhkan hukuman gantung sampai mati seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

[3] Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman tersebut, kedua-dua perayu telah merayu ke mahkamah ini.

[4] Kami telah mendengar rayuan ini pada 21 Mei 2014 dan di akhir pendengaran, kami mendapati rayuan kedua-dua perayu tidak bermerit. Kami sebulat suara menolak rayuan perayu-perayu dan mengekal dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara.

[5] Kini kami menzahirkan alasan-alasan terperinci keputusan kami.

FAKTA KES

[6] Fakta-fakta material bagi tujuan rayuan ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) kes pihak pendakwaan banyak bersandar kepada keterangan Sjn Wong Soon Meng ('SP2') yang bertindak sebagai *agent provocateur*. SP2 menerima maklumat daripada sumber yang mengatakan bahawa terdapat sindiket pengedar dadah yang ingin menjual dadah jenis kanabis seberat 2kg dengan harga RM6,000;

(b) satu pertemuan telah diatur pada 23 Mac 2009, jam lebih kurang 4 petang, antara SP2, sumber dan perayu pertama (Muhammad Zikry K Suresh bin Abdullah) di Restoran Poh Yap. Dalam pertemuan tersebut, SP2 telah memperkenalkan dirinya sebagai 'Ah Meng' kepada perayu pertama. SP2 dan perayu pertama telah berbincang mengenai harga kanabis yang ingin dijual;

(c) SP2 meminta supaya harga dikurangkan. Walau bagaimanapun, perayu pertama mengatakan bahawa harga tersebut tidak boleh dikurangkan kerana beliau hanya bertindak sebagai orang tengah dan perkara itu perlu dirujuk kepada 'taukehnya' terlebih dahulu;

(d) selepas perayu pertama membuat panggilan melalui telefon bimbitnya, perayu pertama memaklumkan kepada SP2 bahawa harga jualan tidak boleh dikurangkan dan kekal sebanyak RM6,000 bagi 2kg kanabis yang ditawarkan. SP2 akhirnya bersetuju dengan harga tersebut. perayu pertama menyatakan bahawa SP2 perlu menunggu panggilan telefon daripada 'taukehnya' untuk mengambil kanabis tersebut;

(e) pada jam 4.30 petang, perayu pertama menerima panggilan telefon daripada 'taukehnya'. Seterusnya, perayu pertama memaklumkan kepada SP2 supaya mengikut perayu pertama ke Stesen Minyak Shell di Lebuhraya Kesas. SP2 diberitahu oleh perayu pertama bahawa kanabis tersebut berada di dalam kereta BMW warna silver kepunyaan 'taukehnya'. Perayu pertama telah meminta SP2 menunjukkan wang RM6,000. SP2 menunjukkan wang tersebut yang disimpan di dalam beg silang yang dibawanya;

(f) SP2 dan perayu bertolak ke Stesen Minyak Shell di Lebuhraya Kesas dengan menaiki kereta masing-masing. Sesampai di stesen minyak

tersebut, perayu pertama telah memberhentikan keretanya di sebelah kiri kereta BMW. Perayu pertama telah turun dari keretanya dan pergi ke kereta BMW tersebut dan bercakap dengan pemandunya, iaitu perayu kedua (Md Sukri bin Abdul Rahman), yang sebelum ini dikatakan 'taukehnya';

(g) perayu pertama telah berbual-bual dengan perayu kedua beberapa minit. Pada ketika itu, pasukan polis yang diketuai oleh ASP Norosid bin Hj Mamat ('SP5') telah menyerbu dan menangkap kedua-dua perayu bersama isteri perayu pertama yang berada di dalam kereta BMW; dan

(h) pasukan serbuan telah merampas kanabis dari tempat duduk penumpang kereta BMW. Kanabis tersebut kemudiannya telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis. Ahli kimia, Puan Suhana bt Ismail ('SP4'), mengesahkan bahawa dadah yang dirampas itu ialah kanabis seberat 1,885g.

[7] Berdasarkan keterangan di atas, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua perayu. Kedua-dua perayu diperintahkan membela diri. Kedua-dua perayu telah memilih untuk memberi keterangan atas sumpah. Perayu pertama telah memanggil isterinya ('SD2') untuk menyokong pembelaan yang dikemukakan.

[8] Pembelaan perayu pertama bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) pada hari kejadian, perayu pertama dan isterinya (SD2) ingin bertemu perayu kedua bagi tujuan melunaskan baki bayaran membaiki kereta kepada perayu kedua. Perayu pertama telah pergi ke bengkel perayu kedua tetapi mendapati perayu kedua telah keluar untuk membeli alat ganti kereta. Pada ketika itu, perayu pertama telah menerima panggilan daripada 'Awie' yang meminta supaya perayu pertama menarik sebuah kereta Waja. 'Awie' meminta perayu pertama pergi ke Restoran Poh Yap bagi mengambil kunci kereta Waja tersebut;

(b) sesampai di Restoran Poh Yap, perayu pertama telah berjumpa dengan 'Awie' yang menyerahkan kunci kereta Waja tersebut kepadanya. Kemudiannya, perayu pertama telah menerima panggilan daripada perayu kedua, memintanya untuk pergi ke Stesen Shell di Lebuhraya Kesas bagi menyerahkan baki bayaran membaiki kereta tersebut; dan

(c) sesampai di stesen minyak tersebut, perayu telah bertemu perayu kedua dan menyerahkan baki bayaran sebanyak RM1,100. Perayu kedua menyatakan beliau tidak mempunyai wang tukaran dan meminta

perayu pertama menukarnya di kaunter Stesen Shell. Apabila perayu pertama kembali ke kereta perayu kedua, mereka telah diserbu oleh pasukan polis.

[9] Pembelaan perayu kedua bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) pada inti patinya, pembelaan perayu kedua adalah lebih kurang sama dengan pembelaan perayu pertama, iaitu beliau berjumpa dengan perayu pertama di Stesen Shell Lebuhraya Kesas dengan tujuan untuk menerima baki bayaran membaiki kereta perayu pertama;

(b) perayu kedua juga menyatakan bahawa beliau telah pergi ke tempat kejadian atas permintaan Koperal Jimmy iaitu salah seorang pelanggan *workshop*nya. Koperal Jimmy dikatakan telah menelefon perayu kedua kerana ada hal mustahak. Perayu kedua pergi berjumpa Jimmy di IPD Shah Alam, Seksyen 11. Sesampai di kuarters polis balai tersebut, beliau nampak kereta Koperal Jimmy dan memberhentikan keretanya di sebelah kereta Koperal Jimmy;

(c) menurut perayu kedua, Koperal Jimmy telah meletakkan dua bungkusan plastik di tempat duduk penumpang hadapan keretanya dan meminta perayu kedua menyerahkan bungkusan-bungkusan tersebut kepada seseorang di tempat parking di belakang Stesen Shell di Lebuhraya Kesas. Dikatakan seorang kawan Koperal Jimmy akan datang pada jam 4.30 petang untuk mengambil bungkusan-bungkusan tersebut daripada perayu kedua;

(d) sesampai di Stesen Minyak Shell, Lebuhraya Kesas, perayu kedua menunggu rakan Koperal Jimmy. Tiba-tiba dua kereta telah datang menghalang kereta BMWnya. Seorang telah keluar dari kereta dan mengacukan pistol kepada perayu kedua. Mereka adalah anggota polis. Anggota polis bertanyakan apa kandungan bungkusan-bungkusan tersebut dan perayu kedua menjawab bahawa beliau tidak tahu. Perayu kedua memberitahu kepada polis berkenaan yang beliau sebenarnya telah diminta tolong oleh seorang polis untuk menghantar bungkusan-bungkusan tersebut kepada kawannya;

(e) di IPK Selangor, semasa perayu kedua disoal siasat, beliau memberitahu polis bahawa bungkusan-bungkusan tersebut adalah kepunyaan Koperal Jimmy. Perayu kedua juga diminta untuk memanggil Koperal Jimmy melalui pembesar suara. Kemudiannya, Koperal Jimmy telah menjawab panggilan telefon dan memberitahu perayu kedua bahawa beliau sedang berada di Hospital Sungai Buloh. Telefon tersebut telah diambil daripada perayu kedua oleh pihak polis selepas Koperal Jimmy menjawab panggilan yang dibuat oleh perayu kedua; dan

(f) Koperal Jimmy telah ditahan selama tujuh hari tetapi tidak dituduh di mahkamah.

RAYUAN-RAYUAN

[10] Dalam petisyen rayuan mereka, kedua-dua perayu telah mengemukakan pelbagai alasan bagi mencabar keputusan hakim bicara. Walau bagaimanapun, di hadapan kami, perayu pertama, telah menumpukan hujahan beliau kepada alasan-alasan yang berikut:

(a) bahawa pihak pendakwaan tidak boleh dikatakan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah apabila terdapat keraguan yang serius tentang identiti ekshibit dadah;

(b) sumber (pemberi maklumat) telah memainkan peranan aktif di dalam kes ini dan kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil sumber tersebut memberi keterangan telah menimbulkan jurang dalam kes pendakwaan; dan

(c) kegagalan pihak pendakwaan untuk menangkap, menyiasat dan mengemukakan individu bernama 'Awie' untuk memberi keterangan telah menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan.

[11] Alasan-alasan yang dikemukakan oleh perayu kedua pula ialah seperti berikut:

(a) bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil Koperal Jimmy telah menimbulkan jurang dalam kes pihak pendakwaan;

(b) bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat inferens yang salah terhadap fakta bahawa perayu kedua telah cuba melarikan diri ketika serbuan dibuat oleh pihak polis; dan

(c) bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal secara jelas menyatakan sama ada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB 1952 telah diguna pakai bagi tujuan membuktikan elemen pengedaran atau elemen tersebut telah dibuktikan melalui keterangan secara terus.

KERAGUAN MENGENAI IDENTITI EKSHIBIT DADAH

[12] Encik Rajpal Singh, peguambela terpelajar perayu pertama berhujah bahawa terdapat keraguan serius mengenai identiti ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. SP5 (ASP Norosid bin Hj Mamat) dan 'SP6' (pegawai penyiasat) memberi keterangan bahawa berat kasar kanabis ialah 2,000g. Manakala ahli kimia (SP4) pula menyatakan bahawa berat kasar ekshibit dadah tersebut ialah 950.75g bagi ketulan mampat yang pertama (eksh P8A(1)(B)) dan 933.72g bagi bungkusan yang kedua (eksh P8A(1)(B)).

[13] Dihujahkan bahawa tidak ada apa-apa penjelasan diberikan oleh pihak pendakwaan mengenai perbezaan berat ini. Perbezaan yang berbangkit ini adalah besar di mana berdasarkan keterangan ahli kimia, terdapat pengurangan berat kasar sebanyak 49.25g bagi bungkusan pertama dan pengurangan sebanyak 66.28g bagi bungkusan kedua.

[14] Keraguan mengenai identiti ekshibit dadah menjadi lebih parah apabila ahli kimia (SP4) menyatakan beliau telah menerima ketulan-ketulan mampat tumbuhan yang dibalut dengan plastik lutsinar yang 'diperbuat dengan salotape'. Persoalan yang berbangkit ialah siapakah yang meletakkan 'salotape' tersebut. Sekiranya dilihat kepada gambar-gambar barang kes yang diambil oleh SP6 (pegawai penyiasat) di eksh P5(1–27), rekod rayuan tambahan, tidak terdapat sebarang 'salotape'. Justeru, dihujahkan bahawa terdapat kemungkinan gangguan telah dibuat kepada barang kes yang tidak dijelaskan untuk pihak pendakwaan dan ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap identiti ekshibit dadah.

[15] Bagi menyokong hujahan tersebut, rujukan dibuat kepada kes-kes *Yeong Kia Heng lwn Pendakwa Raya* [1992] 1 MLJ 327; [1992] 1 CLJ (Rep) 372; *Zaifull bin Muhammad v Public Prosecutor and another appeal* [2013] 2 MLJ 348; [2013] 2 CLJ 383; *Tan Yew Choy v Public Prosecutor* [2010] 5 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 245).

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI MENGENAI IDENTITI DADAH

[16] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa dalam pendakwaan kes-kes pengedaran dadah, pembuktian mengenai dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan, iaitu corpus delicti, adalah amat penting. Identiti dadah berbahaya tersebut hendaklah dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah. Apa yang perlu dibuktikan ialah bahawa dadah berbahaya yang dirampas di tempat kejadian adalah dadah berbahaya yang sama yang dihantar untuk analisis oleh Jabatan Kimia dan kemudiannya dikemukakan di mahkamah semasa perbicaraan. Dalam hal ini, rantaian keterangan mengenai ekshibit dadah tersebut hendaklah tidak terputus dan terdapat pengecaman dibuat oleh saksi-saksi yang berkaitan adalah penting (lihat *Shahrizal bin Abdul Ghani v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 769; [2014] 1 CLJ 70).

[17] Dalam kes *Hasbala Mohd Sarong v Public Prosecutor* [2013] 6 MLJ 636; [2013] 6 CLJ 945, Mahkamah Persekutuan sekali lagi telah menekankan perkara ini. Mahkamah menyatakan bahawa di dalam kes tersebut SP4 dan SP6 telah mengenal pasti dengan jelas ekshibit-ekshibit dadah yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi. Kedua-dua mereka telah mengenal pasti dengan jelas catatan-catatan yang dibuat oleh mereka pada ekshibit-ekshibit ketika memberi keterangan di Mahkamah Tinggi; termasuklah tarikh dan

tandatangan mereka. SP3 juga telah mengenal pasti catatan-catatan yang terdapat pada ekshibit-ekshibit tersebut apabila beliau menerimanya daripada SP6. Justeru, hujahan bahawa ekshibit-ekshibit dadah yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi mungkin tidak sama dengan yang dirampas oleh SP4 daripada perayu pada hari kejadian adalah merupakan suatu salah anggapan semata-mata kerana rangkaian keterangan pengendalian ekshibit dadah adalah tidak terputus yang boleh membangkitkan keraguan yang munasabah mengenainya.

[18] Dalam kes *Loh Kah Loon v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 260; [2011] 5 CLJ 345, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan bahawa walaupun terdapat perbezaan berat ekshibit dadah yang ditimbang oleh pihak polis dan ahli kimia, namun tidak terdapat keraguan mengenai identiti ekshibit dadah berkenaan kerana keterangan menunjukkan bahawa rantaian keterangan pengendalian ekshibit dadah tersebut adalah tidak terputus. Pergerakan ekshibit dadah telah dijelaskan, dan tanda-tanda yang dibuat pada ekshibit dadah telah dikenal pasti secara positif oleh saksi-saksi yang berkaitan. Diputuskan bahawa Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Rayuan adalah betul apabila berpuashati bahawa ekshibit dadah dirampas daripada perayu adalah sama dengan ekshibit dadah yang dikemukakan Mahkamah Tinggi.

[19] Begitu juga dalam kes semasa. Keterangan menunjukkan bahawa SP5, (ASP Norosid bin Hj Mamat), pegawai penyiasat kes, telah menyatakan bahawa beliau telah merampas dua beg plastik yang berada di atas tempat duduk penumpang hadapan kereta BMW. Pemeriksaan kandungan kedua-dua beg plastik tersebut dibuat di hadapan ketiga-tiga perayu pertama, perayu kedua dan SD2. Di dalam beg plastik berwarna kuning tersebut terdapat satu bungkusan surat khabar di mana di dalamnya terdapat satu balutan plastik lutsinar yang mengandungi dedaun kering disyaki dadah jenis ganja, (lihat ms 74–75 rekod rayuan ('RR')). Satu Borang Serah Menyerah antara SP5 dan Insp Mohana Sundaram telah juga disediakan (P14).

[20] Semasa perbicaraan, SP5 telah dirujuk kepada ekshibit-ekshibit yang berkenaan. SP5 telah mengecam dan mengenal pasti ekshibit-ekshibit tersebut. Keterangan yang berkaitan adalah seperti di ms 78 RR:

> Satu beg plastik warna kuning (P8A(1) dirujuk kepada saksi.
>
> Saya camkan inilah plastik warna kuning yang saya rampas dari tempat duduk penumpang hadapan kereta BMW. Saya telah tandakan sebagai A dan juga terdapat tandatangan saya dan tarikh 23.3.2009 yang saya telah buatkan. P8A(1) dicamkan.
>
> Di dalamnya terdapat bungkusan surat khabar.
>
> ID8(1)(A) dirujuk kepada saksi.
>
> Saya camkan ini adalah surat khabar yang terdapat dalam plastik kuning.

Mahkamah: P8A(1)(A).

Satu bungkusan plastik yang diperkuatkan dengan salotape P8A(1) (B) dirujuk. Saya camkan inilah plastik yang diperkuatkan dengan salotape di mana saya telah tandakan sebagai A2, terdapat tandatangan saya dan tarikh 23.3.2009.

[21] Ahli kimia (SP4) juga mengesahkan bahawa terdapat tanda-tanda yang dibuat pada barang-barang kes apabila beliau membuka kotak bertanda MX yang diserahkan oleh Inspektor Mohana Sundaram kepadanya.

[22] Kami perhatikan bahawa hujahan peguambela terpelajar perayu pertama adalah berkisar kepada isu plastik lutsinar 'diperkuat dengan salotape' yang dikatakan tidak diberi apa-apa penjelasan. Namun begitu, kami mendapati bahawa tidak terdapat soalan-soalan yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar perayu pertama semasa pemeriksaan balas kepada SP5 dan SP4 mengenai 'plastik lutsinar yang diperkuat dengan salotape' bagi membolehkan mereka memberi apa-apa penjelasan dan penerangan mengenainya. Nampaknya, keterangan mengenai plastik lutsinar yang 'diperkuat dengan salotape' ini langsung tidak dicabar oleh perayu pertama (lihat *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; *Browne v Dunn* (1893) 6 R 67.

[23] Kami telah meneliti isu identiti ekshibit dadah ini dengan mendalam dan berpuas hati bahawa tidak ada keraguan yang timbul mengenai identiti ekshibit dadah tersebut. Pada hemat kami, berdasarkan keterangan yang terdapat di hadapan mahkamah, ekshibit dadah yang dirampas di tempat kejadian adalah ekshibit dadah yang sama yang telah dihantar untuk analisis oleh ahli kimia dan kemudiannya dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi semasa perbicaraan.

KEGAGALAN PENDAKWAAN MEMANGGIL SUMBER MEMBERI KETERANGAN DAN TIADA TINDAKAN DIAMBIL TERHADAP 'AWIE'

[24] Peguambela terpelajar perayu pertama berhujah bahawa sumber telah memainkan peranan aktif di dalam kes ini di mana dikatakan kesemua perbincangan mengenai harga dan jumlah dadah serta masa dan tempat pertemuan telah diuruskan oeh sumber sebelum pertemuan antara SP2 dan perayu pertama diadakan pada 20 Mac 2009. Justeru, sumber tidak lagi merupakan pemberi maklumat semata-mata; malah telah menjadi seorang *agent provocateur* yang aktif. Bagi menyokong hujahan tersebut, rujukan dibuat kepada kes *Mohd Za'ba bin Abdul Talib & Anor v Public Prosecutor* [2013] 4 MLJ 905.

[25] Seterusnya dihujahkan bahawa atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil sumber memberi keterangan dalam kes ini, hakim bicara sepatutnya mengguna pakai s 14(g) Akta Keterangan 1950.

KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI KEGAGALAN MEMANGGIL SUMBER DSB

[26] Pendekatan mahkamah dalam memutuskan sama ada seseorang sumber telah mengambil peranan *agent provocateur* telah dinyatakan dalam kes *Muhammattakwa Kutha v Public Prosecutor* (Criminal Appeal No B-05–179–06 Tahun 2011), apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

> [16] It is trite that whether a person is an informer or has become an agent provocateur would depend on the facts of each case. (See *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, *Ghazalee Kassim v Public Prosecutor* [2009] 4 CLJ 737). Section 40(1) of the DDA provides that no witness should be obliged or permitted to disclose the name or address of any informer or state any matter which might lead to his discovery. The informer is protected from giving evidence. The prosecution is not required to call him or her as a witness or offering him to the defence. Failure to call him or her will not attract the application of adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1956 against the prosecution's case. However, if an informer had metamorphosed into agent provocateur, he has to be called as a witness (see the case of *Wan Yurillhami Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 CLJ 1; *Munusamy Vengadasalam v Public Prosecutor* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; *Namasiyiam Doraisamy v Public Prosecutor & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241, *Public Prosecutor v Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233; *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 3 CLJ 1; *Ghazalee Kassim & Ors v Public Prosecutor* [2009] 4 CLJ 737).
>
> [17] The rationale for the protection of an informer is obvious. A citizen who knows his identity could be revealed may be loath to cooperate with the enforcement agencies because he would justifiably believe himself to be in danger of physical violence from those upon whom he had informed. Once the identity of an informer is known, the drug traffickers are quick to retaliate. Dead men tell no tales. Thus, disclosure of the identity of an informer is against public interest. There is no doubt that an informer is a vital part of the society's defensive arsenal (see also *M Chandra Segar a/l Muniandy v Public Prosecutor* Criminal Appeal No A-05–139 of 2011 (CA)).
>
> [18] In deciding whether an informer had assumed the mantle of an agent provocateur, the court will have to make an objective assessment of the role played by that a person in the circumstances of a particular case. In other words, the court must scrutinise the facts of the particular case and determine the degree of his participation, particularly in the 'controlled sale and delivery' of the drugs.

[27] Kami telah meneliti keterangan SP2 dengan teliti dan mendapati peranan yang dimainkan oleh sumber dalam kes ini adalah sebagai 'orang tengah' semata-mata iaitu memperkenalkan SP2 kepada perayu pertama.

Sumber tidak hadir semasa bekalan dadah dibawa oleh perayu kedua untuk dihantar kepada SP2 di tempat kejadian.

[28] SP2 menyatakan bahawa sumber kurang bercakap semasa perbualan antara beliau dengan perayu pertama dan 'Awie'. Persetujuan untuk membeli ganja pada harga RM6,000 sebenarnya telah dibuat oleh SP2 dan perayu pertama tanpa penglibatan sumber (lihat ms 22, perenggan 2, RR Jld I).

[29] Pada hemat kami, peranan yang dimainkan oleh sumber dan 'Awie' tidak tergolong kepada peranan seorang *agent provocateur*. Justeru, mereka dilindungi oleh s 40 DDA 1952. Dalam hal sedemikian, hakim bicara adalah betul apabila tidak mengguna pakai s 114(g) Akta Keterangan 1950 atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil mereka memberi keterangan (lihat *Prabakaran a/l Peraisamy v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 304; [2012] 8 CLJ 133).

[30] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah, adalah jelas bahawa transaksi penjualan dadah yang menyebabkan tertangkapnya kedua-dua perayu adalah berpunca dari perundingan antara SP2 dan perayu pertama. Hakim bicara adalah betul apabila memutuskan di ms 289 RR, Jld 3, seperti berikut:

> Kedua-dua OKT juga tahu bahawa apa yang mereka edarkan adalah cannabis. Ini jelas dari siri perundingan antara SP2 (Agen Provocateur) dengan OKT1 berkenaan jual beli cannabis yang dirampas. OKT1 juga telah dilihat menelefon seseorang dan kemudian memberitahu SP2 bahawa taukehnya ada dadah yang hendak dibeli dan menunggu di Stesen SHELL KESAS Highway dengan kereta BMWnya berwarna silver. OKT1 telah membawa SP2 (dengan kereta berasingan) ke tempat tersebut dan memang benar OKT1 telah memberhentikan keretanya di sebelah kanan sebelah sebuah kereta BMW berwarna silver dan setelah turun dari keretanya, OKT1 telah bercakap dengan pemandu kereta BMW tersebut iaitu OKT2. Apabila diserbu oleh pasukan polis, dadah cannabis seberat hampir dua kilogram telah dijumpai di tempat duduk penumpang hadapan kereta BMW tersebut.

KEGAGALAN MEMANGGIL KOPERAL JIMMY MEMBERI KETERANGAN

[31] Peguambela terpelajar perayu kedua berhujah bahawa perayu kedua telah mengemukakan soalan-soalan kepada saksi-saksi pendakwaan semasa pemeriksaan balas bahawa orang yang meletakkan ekshibit dadah di dalam kereta BMW yang dipandu oleh beliau ialah Koperal Jimmy. Pengedar dadah sebenar ialah Koperal Jimmy dan perayu kedua ialah semata-mata pembawa ikhlas ('innocent and/or momentary carrier'). Justeru, Koperal Jimmy ialah seorang 'witness essential to the unfolding of the narratives on which the prosecutor case is based' (lihat *Seneviratne v R* [1936] 3 All ER 36; *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1).

[32] Peguambela terpelajar perayu kedua seterusnya berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil Koperal Jimmy yang telah ditangkap beberapa hari selepas perayu kedua ditangkap adalah suatu ketinggalan ('omission') serius dan telah menimbulkan jurang dalam kes pendakwaan. Pembelaan yang dibangkitkan oleh perayu kedua ialah beliau tidak tahu kandungan bungkusan-bungkusan yang diletakkan di dalam kereta BMW. Dalam keadaan demikian, hanya keterangan Koperal Jimmy boleh menyelesaikan kontroversi ini.

[33] Bagi menyokong hujahnya, rujukan dibuat kepada kes *Nik Asmawi bin Nik Daud v Public Prosecutor* [2010] 5 MLJ 652; [2010] 6 CLJ 400, apabila Mahkamah Rayuan memutuskan di keputusan (1) laporan seperti berikut:

> (1) Pernyataan beramaran yang diserahkan iaitu P20 menunjukkan bahawa perayu telah membuat pengakuan bahawa satu Lazim telah menyuruhnya menghantar *cannabis* ke kawan — kawannya satu Najib dan satu Taib. Perayu telah menyebut satu Lazim, satu Najib dan satu Taib tetapi pada akhir kes pendakwaan, mereka yang dinamakan itu tidak disiasat, dipanggil atau dibekalkan. Orang-orang ini bukanlah orang-orang yang tidak wujud kerana nama-nama mereka dibangkitkan semasa kes pendakwaan. Kegagalan untuk melaksanakan tindakan-tindakan tersebut oleh pihak pendakwaan adalah peninggalan yang serius yang mewajarkan penggunaan peruntukan inferensi yang bertentangan. Apa-apa keraguan yang timbul mengenai sama ada perayu sebenarnya berpengetahuan mengenai kandungan beg-beg guni yang dijumpai di dalam *boot* kereta yang dipandu oleh perayu seorang boleh dihilangkan, jikalau orang-orang yang dinamakan di dalam pernyataan beramaran disiasat. Walaupun s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah inferens yang dibenarkan dan walaupun tidak terdapat obligasi atas pihak pendakwaan untuk memeriksa semua saksi-saksi yang disebut oleh perayu, panel ini boleh menggunakan inferensi yang bertentangan jikalau pihak pendakwaan dipengaruhi oleh motif yang tidak jujur. Inferensi yang bertentangan yang berkaitan dengan kegagalan memanggil Lazim adalah jikalau Lazim dipanggil ia akan menimbulkan keraguan sama ada perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah berbahaya tersebut. Tanpa pengetahuan, tidak wujudnya milikan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI MENGENAI KEGAGALAN MEMANGGIL KOPERAL JIMMY MEMBERI KETERANGAN

[34] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa pihak pendakwaan mempunyai budi bicara untuk memutuskan sama ada seseorang saksi perlu dipanggil untuk menyokong kesnya atau tidak (lihat *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105b). Dalam kes *Muhammattakwa Kutha*, mahkamah ini menyatakan:

> [27] It is pertinent to note that the term 'essential to unfolding the narrative on which the prosecution case is based' (*Seneviratne v R* (1936) 3 All ER 36) does not

mean that every witnesses with relevant testimony have to be called by the prosecution. The jurisprudence does not impose such a burden on the prosecution. The term, relates to the prosecution's burden of proof in a criminal trial. Where the 'narrative' is not adequately set forth, elements of the offence might not be properly proven and the prosecution risks losing its case. We agree with the submission of the learned deputy public prosecutor that in the circumstances of this case and as found by the learned trial judge, there was no gap in the prosecution's case, even without the informer's testimony.

[35] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Koperal Jimmy telah ditahan oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, hasil siasatan polis menunjukkan bahawa tidak terdapat apa-apa keterangan yang boleh mengaitkan Koperal Jimmy dengan ekshibit dadah yang dijumpai di dalam kereta BMW perayu kedua. SP5 menyatakan di ms 119, RR Jld I, seperti berikut:

Dalam soalsiasat OKT2 ada maklumkan kepada saya bahawa 2 beg plastik itu adalah kepunyaan Koperal Jimmy. OKT2 tidak ada beritahu tentang kedua-dua beg plastik tersebut diletakkan oleh Koperal Jimmy dalam kerata BMW tetapi beliau beritahu OKT2 ada berjumpa Koperal Jimmy dalam perkarangan Balai Polis Sek.11.

[36] Kami bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh hakim bicara bahawa adalah tidak logik bagi perayu kedua untuk menerima bungkusan-bungkusan daripada Koperal Jimmy tanpa mengetahui kandungannya untuk diserahkan kepada seseorang yang beliau tidak mengenalinya. Di ms 299–302, hakim bicara menyatakan:

OKT2 juga telah memberitahu Mahkamah bahawa beliau telah pergi ke tempat kejadian atas permintaan Koperal Jimmy salah seorang pelanggan worksyopnya. Menurut OKT2, Jimmy telah menelefonnya memberitahu ada hal mustahak. Yang peliknya tidak pula Jimmy memberitahu apahal yang mustahak itu dan OKT2 juga tidak bertanya. Sampai di kuarters IPD Shah Alam di Seksyen 11, OKT2 mengatakan beliau terus pergi ke kuarters polis balai tersebut dan beliau nampak kereta Jimmy dan berhenti di sebelahnya. Jimmy menurutnya telah meletakkan 2 bungkusan plastik di tempat duduk penumpang hadapan keretanya dan meminta OKT2 menyerahkannya kepada seseorang di tempat parking di belakang Stesen SHELL KESAS Highway dan kawan Jimmy akan datang jam 4.30 petang dan mengambilnya. Tiada deskripsi kawan tersebut diberi oleh Jimmy kepada OKT2. Tiada juga diberitahu apa tujuan barang-barang ini hendak diberi kepada kawan Jimmy dan tidak langsung diterangkan oleh Jimmy kepada OKT2 mengapa penyerahan dua bungkusan plastik ini sangat penting sehingga tidak boleh ditangguhkan oleh Jimmy selepas balik dari hospital. Sangat pelik dan menakjubkan OKT2 boleh bersetuju begitu sahaja tanpa usul periksa sedikitpun yang pada Mahkamah adalah bertentangan dengan lumrah hubungan manusia. Tambahan pula OKT2 mengatakan beliau tidak pegang langsung kedua-dua beg tersebut dan tidak tanya langsung tentang isi kandungannya. Tidakkah OKT2 hairan apakah sebenarnya barang yang hendak diserahkan itu yang dikatakan penting oleh Jimmy? Mengapa OKT2 tidak bertanya siapa orang yang akan

mengambil kedua-dua beg plastik tersebut. Mengapa tiada nombor telefon bimbit orang tersebut diberi untuk tujuan perhubungan? Mengapa Jimmy begitu yakin ada tempat parking kosong di belakang SHELL KESAS Highway dan bagaimana Jimmy boleh begitu yakin memberikan masa untuk OKT2 berjumpa dengan kawan Jimmy pada jam 4.30 petang?

Semua butir persiapan antara OKT2 dengan kawan Jimmy ini tidak pernah dibincangkan dengan OKT2. Semuanya telah di 'rammed down OKT2's throat'. Sungguh pelik dan tidak masuk akal. Mengapa pula tempat pertemuan itu mesti di SHELL KESAS Highway. Sekiranya kedua-dua beg plastik itu begitu penting untuk Jimmy dan kawannya mengapa tidak minta kawannya itu datang sahaja ke IPD Shah Alam dan ambil dari pejabat pertanyaan di IPD tersebut setelah Koperal Jimmy meninggalkannya di situ dengan pesanan pertanyaan untuk menyerahkannya kepada kawannya dengan memberi butir-butir kawannya itu. Atau pun mengapa tidak minta kawannya itu datang ke hospital dan mengambilnya di situ. Bukankah dua bungkusan ini penting? Mengapa pula diserahkan kepada seorang lain dengan arahan yang sangat kabur tanpa butir-butir pengenalan dan tanpa nombor telefon orang yang hendak mengambil bungkusan-bungkusan itu.

Mahkamah memutuskan seperti juga versi pembelaan OKT2 tentang tujuannya berjumpa OKT1 iaitu bagi tujuan penerimaan bayaran baki kos pembaikan kereta OKT, versi pembelaan OKT2 tentang permintaan Koperal Jimmy kepadanya untuk menyerahkan kedua-dua bungkusan ini kepada seseorang yang beliau tidak kenal dan tidak tahu identitinya juga adalah satu rekaan semata-mata dan langsung tidak kredibel.

[37] Pada hemat kami, berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini, doktrin kebutaan disengajakan ('willful blindness') juga terpakai terhadap perayu kedua. Perayu kedua tidak bertanya kepada Koperal Jimmy apakah kandungan bungkusan-bungkusan tersebut dan siapakah nama dan apakah diskripsi penerimanya. Dalam kes *Samad Mohamed Sulthan v Public Prosecutor* [2013] 4 MLJ 7, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

6.4. The court agrees with the learned trial judge that the appellant was guilty of 'wilful blindness' as described by the court in the case of *Public Prosecutor v Tan Kok Ann* [1996] 1 MLJ 89; [1996] 2 CLJ 96 when he did not take any steps to check and examine the contents of the box when it was handed to him by Ismail at the Mumbai Airport, as alleged by the appellant. In *Tan Kok Ann* it was said that 'if a person deliberately shuts his eyes to the obvious because he does not want to know he is taken to know'. Taking for a moment the evidence of the appellant that the box was actually handed to him by Ismail at the airport in Mumbai can be accepted, there is no reason preferred as to why the appellant could not have asked Ismail any questions about the contents in the box. There was no suggestion that either Ismail or the appellant were late for the check in or was in such a hurry that the appellant had no time to open and check the contents of the box himself.

6.5. The contention by the appellant that he was an innocent carrier was rightly rejected by the learned trial judge. Considering that the appellant was carrying the jewelry stands to Kuala Lumpur without even knowing whom to deliver to is most dumb founding and telling.

The appellant did not even know whether anyone would collect the jewelry stands from him and if so, when and where and if no one came forward to collect the jewelry stands from the appellant, no evidence was forthcoming as to what the appellant was to do with the jewelry stands. It is inconceivable that Ismail would pay RM500 to the appellant to carry the jewelry stands, which presumably must be of some value, to Kuala Lumpur without informing him as to whom to deliver to or who would be collecting them from him. The evidence of the appellant on this issue must be treated as an affront to common sense!.

KEKHILAFAN HAKIM BICARA MEMBUAT INFERENS MENGENAI FAKTA BAHAWA PERAYU KEDUA TELAH MELARIKAN DIRI

[38] Peguambela terpelajar perayu kedua berhujah bahawa hakim bicara terkhilaf apabila membuat inferens bahawa perayu kedua mempunyai pengetahuan tentang ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan apabila perayu kedua cuba melarikan diri ketika serbuan dibuat oleh polis di tempat kejadian. Mengikut peguambela terpelajar, percubaan melarikan diri itu berlaku kerana terdapat sebab yang munasabah bagi mereka mempercayai bahawa anggota-anggota serbuan yang berpakaian preman itu adalah orang-orang yang cuba mencuri kereta BMW. Dihujahkan, bahawa apabila terdapat dua inferen yang boleh dibuat terhadap sesuatu fakta, inferens yang berpihak kepada perayu pertama dan perayu kedua hendaklah diambil oleh hakim bicara (lihat *Ibrahim Mohamad & Anor v Public Prosecutor* [2011] 4 CLJ 113).

[39] Fakta bahawa perayu kedua cuba melarikan diri semasa diserbu oleh anggota serbuan memang tidak dipertikaikan. Keterangan SP2 dan SP5 adalah jelas membuktikan perkara ini.

[40] Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara mengenai isu ini apabila beliau berkata di ms 290, RR Jld 3 seperti berikut:

Semasa pasukan polis menyerbu mereka, OKT1 telah melarikan diri tetapi dapat ditangkap oleh pasukan polis tidak jauh dari situ manakala OKT2 telah cuba meloloskan dirinya dengan memandu kereta BMW tersebut ke hadapan dan melanggar kereta Pajero pasukan serbuan yang telah menghalang pergerakannya. Perbuatan mereka jelas menunjukkan bahawa mereka tahu barang yang hendak dijual beli adalah dadah cannabis. Menguatkan lagi kesimpulan ini adalah siri perundingan untuk jual beli dadah tersebut. Berat dadah yang hendak dibeli adalah dua kilogram dan dadah yang dirampas juga lebih 2 kilogram berat. OKT1 berkata taukenya menunggu di Stesen SHELL KESAS Highway dengan kereta BMW

warna silver maka memang benar OKT2 berada di dalam kereta BMW warna silver dan menunggu di SHELL KESAS Highway. Juga dadah cannabis tersebut dijumpai dalam kereta BMW tersebut.

[41] Persoalan yang berbangkit dalam kes semasa ialah mengapakah perayu kedua cuba melarikan diri sekiranya beliau tidak mengetahui bahawa bungkusan-bungkusan yang terdapat di dalam kereta BMW yang dipanduya tidak mengandungi dadah. Perayu kedua telah gagal untuk memberi apa-apa penjelasan mengenainya (lihat *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717).

KEGAGALAN HAKIM BICARA MENYATAKAN SAMA ADA ANGGAPAN DI BAWAH S 37(da) DDA 1952 ATAU KETERANGAN TERUS DIGUNAKAN BAGI MEMBUKTIKAN ELEMEN PENGEDARAN

[42] Peguambela terpelajar perayu kedua berhujah bahawa hakim bicara dalam penghakimannya telah terkeliru dan tidak menyatakan sama ada pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan dibawah s 37(da) DDA 1952 atau keterangan terus bagi membuktikan elemen pengedaran. Justeru, faedah kekeliruan ini perlu diberikan kepada perayu kedua.

[43] Kami berpendapat hujahan ini tidak bermerit. Kami telah meneliti penghakiman hakim bicara secara keseluruhan dan mendapati bahawa beliau telah bersandar kepada keterangan terus, antara lain, keterangan SP2, untuk membuktikan elemen pengedaran seperti yang ditakrifkan dalam seksyen ADB 1952.

[44] Di ms 287–289 RR Jld 3, hakim bicara menyatakan:

> Kedua-dua OKT juga tahu bahawa apa yang mereka edarkan adalah cannabis. Ini jelas dari siri perundingan antara SP2 (Agen Provokatur) dengan OKT1 berkenaan jual beli cannabis yang dirampas. OKT1 juga telah dilihat menelefon seseorang dan kemudian memberitahu SP2 bahawa taukenya ada dadah yang hendak dibeli dan menunggu di Stesen SHELL KESAS Highway dengan kereta BMWnya berwarna silver.
>
> SP2 (dengan kereta berasingan) ke tempat tersebut dan memang benar OKT1 telah memberhentikan keretanya di sebelah sebuah kereta BMW berwarna silver dan setelah turun dari keretanya, OKT1 telah bercakap dengan pemandu kereta BMW tersebut iaitu OKT2. Apabila diserbu oleh pasukan polis, dadah cannabis seberat hampir 2 kilogram telah dijumpai di tempat duduk penumpang hadapan kereta BMW tersebut.
>
> Semasa pasukan polis menyerbu mereka, OKT1 telah melarikan diri tetapi dapat ditangkap oleh pasukan polis tidak jauh dari situ manakala OKT2 telah cuba meloloskan dirinya dengan memandu kereta BMW tesebut ke hadapan dan melanggar kereta Pajero pasukan serbuan yang telah menghalang pergerakannya.

A Perbuatan mereka jelas menunjukkan bahawa mereka tahu bahawa barang yang hendak djual beli adalah dadah cannabis. Menguatkan lagi kesimpulan ini adalah siri perundingan untuk jual beli dadah tersebut. Berat dadah yang hendak dibeli adalah dua kilogram dan dadah yang dirampas juga lebih kurang 2 kilogram beratnya. OKT1 berkata taukenya menunggu di Stesen SHELL KESAS Highway dengan kereta BMW warna silver maka memang benar OKT2 berada di dalam kereta BMW warna silver dan menunggu di SHELL KESAS Highway. Juga dadah cannabis tersebut dijumpai dalam kereta BMW tersebut. (Penekanan ditambah).

[45] Dalam kes semasa terdapat keterangan kukuh yang boleh menunjukkan berlakunya perbincangan antara SP2 dan perayu pertama mengenai pembelian dan perjualan ekshibit dadah dan penghantaran/pembekalan dadah tersebut oleh perayu kedua kepada SP2 di tempat kejadian. Perbuatan tersebut adalah mencukupi di sisi undang-undang untuk mewujudkan kesalahan mengedar walaupun wang belum bertukar tangan antara pihak-pihak. Perbuatan tersebut diliputi oleh definasi 'pengedaran' di bawah s 2 ADB 1952 (lihat *Nasarudin Daud & Satu Lagi lwn Public Prosecutor* [2011] 3 CLJ 713; *Public Prosecutor v Sa'ari Jusoh* [2007] 2 CLJ 197).

KESIMPULAN

[46] Kami telah memberi perhatian yang mendalam terhadap hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua perayu bagi mencabar keputusan hakim bicara. Kami berpendapat hakim bicara tidak melakukan apa-apa 'appealable error' yang mewajarkan campur tangan kami. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, kami sebulat suara memutuskan bahawa sabitan terhadap kedua-dua perayu adalah selamat.

[47] Natijahnya, rayuan kedua-dua perayu ditolak dan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara dengan ini dikekal dan disahkan.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman dikekal dan disahkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor